

KPN nafi dakwaan majlis Dr M diganggu

KUALA LUMPUR: Polis tidak pernah menahan sesiapa untuk disoal siasat kerana mengadakan perhimpunan awam untuk bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad atau mengganggu majlis seperti itu.

Ketua Polis Negara, Tan Sri Musa Hassan, berkata polis malah memberi kawalan keselamatan lebih ketat untuk melindungi Dr Mahathir pada setiap majlis yang dihadapinya, khu-

susnya selepas insiden bekas Perdana Menteri itu disembur gas pemedih mata di Kelantan pada 28 Julai lalu.

"Polis tidak pernah mengugut sesiapa yang ingin mengadakan perhimpunan atau majlis awam," katanya menerusi kenyataan media yang dikeluarkan di sini, semalam.

Sehubungan itu, Musa menafikan dakwaan Dr Mahathir pada Jumaat lalu bahawa negara kini diselubungi iklim ketakutan kerana sesiapa yang

menyoal atau mengkritik Perdana Menteri akan dikenakan tindakan.

Dr Mahathir mendakwa, mereka yang mengkritik kerajaan dan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi akan berdepan pelbagai tindakan termasuk diasak dan diugut oleh polis atau pemimpin kerajaan.

Beliau juga mendakwa tindakan akan diambil terhadap sesiapa saja yang menentang Perdana Menteri, termasuk dipecat, ditukar ke peda-

laman seperti Sabah, dibatalkan kontrak, dipanggil polis, Badan Pencegah Rasuah (BPR), serta ditahan dan disoal siasat berulang kali.

Musa seterusnya menafikan Malaysia adalah sebuah 'negara polis' dan menafikan tuduhan kononnya polis akan mengganggu serta mengugut sesiapa yang cuba mengadakan majlis berunsur mengkritik Perdana Menteri.

Katanya, polis tidak pernah me-

wujudkan keadaan di mana negara ini boleh dianggap sebagai 'negara polis', lebih-lebih lagi sejak beliau menerajui pasukan itu dan menerapkan amalan lebih terbuka kepada pendapat orang ramai.

"Saya sudah mengadakan beberapa siri perbincangan dengan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan agensi seperti Majlis Peguam Malaysia untuk membincangkan aduan serta rungutan orang ramai," katanya.